

06 JAN 2003

PERARAKAN HARI KEBANGSAAN 2003 DI DATARAN PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perarakan Hari Kebangsaan tahun ini akan diadakan di Putrajaya, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir malam ini.

Beliau berkata perarakan peringkat kebangsaan itu akan diadakan di Dataran Putra pada 31 Ogos dengan penyertaan daripada pelbagai kontinjen dan pasukan perbarisan selain persembahan kebudayaan pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh negara.

"Kita memilih Putrajaya bagi membolehkan kita memperingati sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah memajukan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan," katanya ketika berucap pada jamuan malam Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWMM) di sini.

Majlis itu diadakan bagi meraikan kejayaan para peserta yang menyertai program "Jelajah Malaysia 2002", anjuran PWMM yang berlangsung sempena perayaan bulan kemerdekaan.

Sejumlah 456 peserta telah mengambil bahagian dalam program "Jelajah Malaysia 2003" itu dengan aktiviti kemuncaknya penyerahan "Jalur Gemilang" kepada Perdana Menteri di ambang perayaan kemerdekaan pada malam 30 Ogos, tahun lalu.

Mengenai program "Jelajah Malaysia 2003", Kadir berkata kementerian itu akan bekerjasama dengan pihak penganjur, PWMM, untuk menjadikan program berkenaan lebih menarik dan berjaya.

"Format dan penyertaan akan ditingkatkan supaya ia menjadi lebih baik lagi memandangkan ini merupakan satu program yang baik untuk menanam sikap patriotik di kalangan rakyat kita," katanya.

-- BERNAMA

AT HK LAT